

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HMT 502 – Komunikasi dan Sosiologi Bahasa Melayu**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **TIGA [3]** halaman.

Soalan nombor 1 [a] dan [b] **WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

**Bahagian A:** Soalan **WAJIB** dijawab.

1. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

[a] Kemukakan dan huraikan unsur-unsur asas dalam model proses komunikasi manusia.  
[15 markah]

[b] Komunikasi perantaraan komputer membolehkan interaksi lebih daripada seorang individu dalam satu masa tanpa bersemuka. Bincangkan bagaimana komunikasi ini menjana perubahan sistem komunikasi.  
[5 markah]

...2/-

**Bahagian B:** Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan yang berikut.

2. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

[a] Bincangkan hubungan simbol (verbal atau bukan verbal) dengan referen dan makna dalam komunikasi manusia.

[b] Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan makna konotasi, abstrak dan dikotomi yang menimbulkan masalah dalam proses komunikasi manusia.

[20 markah]

3. Jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

[a] Huraikan dialek sosial yang terhasil disebabkan oleh faktor fungsi, latar belakang etnik dan formaliti.

[b] Dengan menggunakan contoh yang sesuai, perlihatkan hubungan antara variabel linguistik dengan variabel sosiolinguistik dalam sesebuah kajian dialek sosial.

[20 markah]

4. Bezakan dialek geografi dengan geografi dialek atau dialektologi, dan kemukakan langkah-langkah asas yang dapat diikuti untuk mengkaji dialek geografi.

[20 markah]

5. Bandingkan dari segi konsep dan metodologi pengkajian peristiwa bahasa (*speech event*) antara bidang etnografi pertuturan (cadangan Hymes 1984) dengan sosiolinguistik atau bidang-bidang linguistik yang lain, dengan mengambil kira kelemahan dan kekuatan masing-masing.

[20 markah]

6. Berdasarkan kenyataan Cazden dan Snow (1990) yang menyatakan bahawa pendidikan dwibahasa ialah "*a simple label for a complex phenomenon*", sila jawab soalan [a] dan [b] yang berikut:

- [a] Tiga isu yang berbangkit tentang pendidikan dwibahasa dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.
- [b] Pilih dua jenis pendidikan dwibahasa yang sesuai untuk Malaysia dan berikan sebab-sebab pemilihan tersebut.

[20 markah]

--oo000oo--